

1Malaysia bukan idea retorik: Raja Perlis

Gagasan satu bentuk janji kerajaan kepada rakyat

BH / 18.5.13 | 14/1/A | Pertamae Menteri - Datuk Seri Ngah Tuu Razak

Oleh Adha Ghazali

adha@bharian.com.my

ARAU: Gagasan 1Malaysia yang diilhamkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak bukan suatu idea yang bersifat retorik.

Sebaliknya, tegas Raja Perlis, Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail, gagasan itu yang bertemakan 'Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan', sebenarnya mempunyai maksud tersirat berperanan sebagai janji kerajaan kepada rakyat yang harus dikotakan.

Malah, baginda percaya gagasan itu yang menjadi tunjang pentadbiran negara diterajui Perdana Menteri pastinya mampu memenuhi hasrat dan harapan rakyat iaitu untuk memiliki pentadbiran sebuah kerajaan bermutu tinggi.

Demikian tegas baginda ketika bertitah pada istiadat pengurniaan darjah kebesaran dan pingat sempena Hari Keputeraan Raja Perlis

ke-69 di Balairong Seri, Istana Arau, di sini, semalam.

Seramai 30 daripada 316 penerima yang disenarai, menerima darjah kebesaran masing-masing, semalam diktetua tiga penerima Darjah Seri Paduka Mahkota Perlis (SPMP) iaitu bekas Ketua Hakim Negara, Tan Sri Mohamed Dzaidin Abdullah; Ketua Polis Negara, Tan Sri Ismail Omar dan Ketua Pengarah Jabatan Kerja Raya (JKR), Datuk Ir Mohd Noor Yaacob.

Terdahulu, baginda diiringi Raja Perempuan Perlis, Tuanku Fauziah Tengku Abdul Rashid turut mencemar duli menerima tabik hormat sempena Istiadat Kawalan Kehormatan oleh Rejimen Renjer Diraja (RRD) di Dataran Istiadat Istana Arau, sebelum lagu negeri dimainkan disusuli tembakan 21 das Meriam Hormat Diraja.

Sementara itu, baginda mahu jika setiap rakyat disemat dengan unsur perpaduan yang terbukti menjadi benteng utama kestabilan

sesebuah negara.

"Sejarah sudah membuktikannya dan tragedi berdarah 13 Mei sendiri banyak meninggalkan pesanan buat kita, betapa perpaduan itu nadi kepada kemakmuran sebuah negara.

"Justeru, peribahasa 'Bersatu Kita Teguh, Bercerai Kita Roboh' dan 'Hati Gajah Sama Dilapah, Hati Nyamuk Sama Diceeah' perlu disemai di dalam jiwa setiap rakyat, supaya tidak wujud amalan diskriminasi, prasangka dan prejedis antara satu sama lain," titah baginda.

Selain itu, baginda juga bertitah, kerajaan negeri perlu memanfaatkan kelebihan Perlis yang mempunyai dua pintu masuk utama ke Thailand iaitu menerusi Padang Besar dan Wang Kelian.

"Beta sarankan produk pelancongan yang unik dan istimewa serta belum lagi dimiliki negeri lain seperti Harumanis diteroka untuk tarik lebih ramai pelancong ke Perlis," titah baginda.